

Headline	Kenaikan tarif bakal beri kesan pada kadar inflasi		
MediaTitle	Utusan Malaysia		
Date	03 Dec 2013	Language	Malay
Circulation	173,387	Readership	699,000
Section	Dlm Negeri	Page No	11
ArticleSize	318 cm ²	Journalist	N/A
PR Value	RM 19,029		



Kenaikan tarif bakal beri kesan pada kadar inflasi

PUTRAJAYA 2 Dis. - Kenaikan kadar baharu tarif elektrik di Semenanjung, Sabah dan Labuan dijangka memberi kesan kepada ekonomi negara dengan peningkatan kadar inflasi.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Seri Abdul Wahid Omar berkata, kadar inflasi itu dijangka meningkat berdasarkan pemerhatian terhadap kesan peningkatan harga barangan sebelum ini.

“Peningkatan inflasi akan ada setiap kali peningkatan harga barang seperti sebelum ini apabila harga subsidi minyak dikurangkan sebanyak 20 sen kadarnya meningkat kepada 2.6 peratus.

“Kadar keuntungan siling (CPR) pada bulan Oktober juga meningkat pada tahap 2.8 peratus, walau bagaimanapun, kadar ini masih rendah iaitu di bawah tiga peratus,” katanya kepada pemberita selepas melancarkan *Laporan Kesejahteraan Rakyat Malaysia 2013* di sini hari ini.

Abdul Wahid mengulas pengu-

muan Menteri Tenaga, Teknologi Hijau dan Air, Datuk Seri Maximus Ongkili di Parlimen hari ini mengenai kadar baharu tarif elektrik yang akan dinaikkan secara purata di Semenanjung sebanyak 4.99 sen setiap kilowatt sejam (kWj) atau 14.89 peratus daripada kadar semasa, berkuat kuasa 1 Januari tahun depan.

Bagi Sabah dan Labuan, kadar tarif dinaikkan sebanyak lima sen bagi setiap kWj.

Walau bagaimanapun, Abdul Wahid ketika diminta mengulas kesan kenaikan itu, enggan memberi komen lanjut sebelum mendapat maklumat lengkap berhubung kenaikan tarif tersebut.

“Saya tidak pasti (kesan kenaikan) sebab belum lihat laporan terperinci, jadi saya akan komen kemudian.

“Kita perlu lihat nanti apa impaknya keputusan meningkatkan tarif elektrik dan dalam masa sama

akan pastikan golongan memerlukan bantuan tidak berasa kesan yang terlalu tinggi,” katanya.

Terdahulu dalam ucapannya, beliau berkata, lebih akaun semasa negara meningkat kepada RM9.8 bilion pada suku ketiga tahun ini bersamaan 4.1 peratus pendapatan negara kasar (GNI) berbanding suku kedua yang mencatatkan jumlah sebanyak RM2.6 bilion atau 1.1 peratus GNI.

Katanya, keseluruhan bagi baki pembayaran direkodkan mempunyai lebih terbesar iaitu sebanyak RM11.8 bilion pada suku ketiga berbanding RM1.5 bilion pada suku kedua.

“Perkara ini akan memastikan negara tidak mengalami defisit berkembar, dalam masa sama, ekonomi negara juga berada dalam keadaan kukuh dan tindakan yang sepatutnya telah diambil bagi meningkatkan kedudukan fiskal negara,” katanya.



ABDUL Wahid Omar menunjukkan buku *Laporan Kesejahteraan Rakyat Malaysia 2013* selepas melancarkannya di Putrajaya, semalam. Turut kelihatan, Ketua Pengarah Unit Perancang Ekonomi, Datuk Rahamat Bivi Yusoff (tengah) dan Pengarah Ekonomi Makro UPE, Allauddin Anuar (kanan). - BERNAMA